

08 APR 1999

PARLIMEN: KEDIAMAN RASMI PM DI PUTRAJAYA GUNA BARANGAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya menggunakan 70 peratus bahan binaan dan perkakasan dalaman tempatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah meminta supaya pembinaan dan hiasan dalaman rumah itu mengutamakan barangan tempatan.

"Saya telah bertemu sendiri dengan Perdana Menteri dan bertanya tentang hal ini...jikalau rumah itu 100 peratus merupakan barang-barang yang diimport, beliau sendiri tidak akan mendudukinya," kata Megat Junid semasa menjawab soalan tambahan Haji Wan Mohd Jamin Wan Mahmood (PAS-Tumpat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali ketika ditemui di luar Dewan berkata dakwaan parti pembangkang berkenaan harga kediaman rasmi itu yang turut dimuatkan dalam akhbar Harakah milik PAS tidak benar dan berniat jahat.

Rumah di Putrajaya itu adalah kediaman rasmi Perdana Menteri dan bukan hak peribadi seperti yang didakwa oleh PAS, katanya.

-- BERNAMA

MHI MAI